

PENDIDIKAN ISLAM DI ALAM MELAYU: MENELUSURI SUMBANGAN SULTAN-SULTAN BRUNEI DALAM PENGEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM

Siti Sara binti Haji Ahmad

*Ph.D. (Linguistics Studies- Qur'anic Studies and Discourse Analysis),
Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam
Email: sara.ahmad@unissa.edu.bn*

Abstrak

Kemunculan pendidikan Islam sangat sinonim dengan kedatangan Islam. Alam Melayu telah menyaksikan kemunculan pendidikan Islam ketika mana Islam datang ke alam Melayu kira-kira abad ke-14 atau lebih awal dari itu, menerusi kedatangan pedagang Arab dan India yang beragama Islam. Pertumbuhan dan perkembangan pendidikan Islam di alam Melayu ini dipercayai mempunyai banyak persamaan dari aspek usaha, pendekatan dan faktor yang menyumbang. Pelbagai faktor dikenal pasti yang menyumbang kepada kegemilangan pendidikan Islam di alam Melayu, antaranya sokongan dan dokongan Sultan-Sultan/ Raja-Raja Melayu. Dalam hal ini, kajian deskriptif ini akan menyoroti sumbangan Sultan-Sultan Brunei Darussalam dalam arena pendidikan Islam sebagai contoh bagi usaha pengembangan pendidikan Islam di alam Melayu, bermula dari pendidikan tidak formal sehingga pendidikan secara formal dan penubuhan institusi tinggi Ugama. Kajian ini juga pada waktu yang sama akan menonjolkan pendekatan yang diguna pakai dalam pengembangan pendidikan Islam. Dapatan kajian merumuskan bahawa pendidikan Islam di alam Melayu mempunyai aspek persamaan dalam usaha dan pendekatan yang diadaptasi. Pendekatan yang digunakan adalah mewarisi pendekatan yang diadaptasi oleh Rasulullah *Sallahu 'Alaihi Wassalam*.

Kata kunci: pendidikan Islam, alam Melayu, sumbangan Sultan, Brunei

PENDAHULUAN:

“Pendidikan” mempunyai pelbagai sinonim dalam bahasa Arab iaitu “*tarbiyah*”, “*tartib*”, “*ta’adib*”, “*tadris*”, “*taalim*”, “*tazkiah*” dan “*riyadah*”, maka konsep pendidikan dalam perspektif Islam membawa maksud “satu proses mendidik, mengasuh, mengajar, mengikut arahan ketua atau guru, bersopan santun, membentuk kelakuan yang baik serta mulia dan seterusnya taat kepada Allah *Subhanahu Wata’ala*” (Haji Mohd Salleh bin Lebar: Psikologi Pendidikan Dari Perspektif Barat dan Islam, 2011:8), (Ab.Aziz Yusof: Pengurusan Pendidikan Islam (2013:24). Jelas di sini bahawa pendidikan yang berdasarkan kepada Islam berjaya mendekatkan manusia kepada Allah *Subhanahu Wata’ala* dan akhirnya mendapat balasan syurga. Pendidikan sebegini semestinya berpandukan kepada ajaran yang terdapat dalam al-Qur'an dan hadith, dan juga mengambil contoh tauladan yang ditonjolkan oleh Nabi Muhammad *Sallahu ‘Alahi Wassalam* dan juga sahabat-sahabat baginda. Begitu juga dengan mengambil manfaat dari sejarah-sejarah yang berlaku di zaman Khalifah al-Rasyidin, zaman Umayyah dan zaman Abasiyyah dan zaman seterusnya. Sumbangan-sumbangan ini mempunyai peranan yang sangat signifikan yang membawa kepada perkembangan dan penyebaran pendidikan Islam bukan sahaja di Asia Barat bahkan juga memberikan impak yang ketara dalam arena pendidikan di Asia Tenggara khususnya alam Melayu.

Perkembangan pendidikan ini berlaku dalam dua (2) jenis keadaan: pendidikan secara informal dan juga pendidikan secara formal. Pendidikan informal bermaksud pendidikan yang lazimnya dijalankan di rumah, surau, masjid dan istana. Manakala pendidikan yang bersistem dan berstruktur digelar sebagai pendidikan formal misalnya sekolah, madrasah dan universiti. Pendekatan sebegini dilihat mempunyai persamaan dalam mengembangkan pendidikan Islam di Asia Tenggara terutama sekali peranan sultan/raja yang sangat singnifikan dalam mendokong dan seterusnya memartabatkan pendidikan Islam.

Dalam konteks ini, makalah ini akan membahaskan perkembangan pendidikan Islam di Asia Tenggara secara umum, kemudian menyoroti perkembangan pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam sebagai contoh dengan menelurusi sumbangan Sultan-Sultan Brunei ke arah usaha tersebut. Bagi membahasakan senario tersebut, makalah ini dibahagikan kepada empat (4) bahagian: pertama: Pendahuluan, kedua: Sejarah Pendidikan Islam, ketiga: Sejarah Pendidikan Islam di Alam Melayu, keempat: Pendidikan Islam di Brunei Darussalam dan Sumbangan Sultan-Sultan Brunei Darussalam, kelima: Penutup.

SEJARAH PENDIDIKAN ISLAM

Menurut catatan sejarah, penurunan surah al-Alaq di Gua Hira adalah merupakan permulaan awal pendidikan Islam. Kemudian berkembang dengan perkembangan bidang pendidikan di Kota Madinah dan Kota Mekah.

Pendidikan Islam di zaman Rasulullah menekankan tiga (3) aspek utama iaitu keimanan, syariat dan akhlak. Perkara ini jelas, di mana pendidikan di Mekah lebih tertumpu kepada aspek akidah dan akhlak yang jelas di dalam ayat-ayat yang diturunkan di Mekah. Pendidikan ini berkembang maju dan pesat apabila Islam bertapak di Kota Madinah. Perkembangan ini dapat dilihat menerusi pelbagai inisiatif yang dilakukan antaranya membina sembilan (9) buah sekolah seperti Sekolah Kaabah, pembinaan masjid seperti Masjid Nabawi dan Masjid Quba, penghantaran guru-guru untuk mengajar ke seluruh wilayah Islam di Semenanjung Tanah Arab. (Sejarah Pendidikan Islam Zaman Nabi Muhammad: KUIS, 6-8), (Hj Eneng Muslihah, Ilmu Pendidikan Islam, 2010: 175-179), (Mohd Yusuf Ahmad, Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islm, 2004: 51-56)

Dalam mengembangkan pendidikan Islam, saluran yang digunakan oleh Rasulullah adalah:

- **Rumah Kediaman Rasulullah:** Rumah ini merupakan institusi pendidikan pertama dalam usaha memberikan pendidikan kepada ahli rumah baginda termasuk isteri, kelurga dan hamba baginda.
- **Rumah kediaman al-Arqam bin al -Arqam:** Rumah ini juga dikenali sebagai Dar Al-Arqam. Rumah ini mula digunakan ketika mana pengikut Rasulullah semakin bertambah.
- **Masjid:** Masjid merupakan antara institusi pendidikan yang terpenting dalam menyebarluaskan pendidikan Islam. Peranannya sering kali dikaitkan dengan perkembangan pendidikan Islam. Begitu juga halnya dengan peranan dua (2) masjid iaitu Masjid Quba dan Masjid Nabawi dalam menyebarkan dakwah pada zaman Rasulullah. Pelbagai aktiviti sangat giat dijalankan, anataranya “Program Tafaqquh fi al-Din” khusus bagi golongan yang baru menganut Islam,
- **Al-Suffah:** Dikenali sebagai surau. Al-Suffah ini dibina bagi menampung keramaian pengikut yang mengikuti pengajian akan dapat ditampung. (Sejarah Pendidikan Islam Zaman Nabi Muhammad: KUIS, 6-8), (Hj Eneng Muslihah, Ilmu Pendidikan Islam, 2010: 175-179), (Mohd Yusuf Ahmad, Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islm, 2004: 51-56)

Menerusi saluran tersebut, Rasulullah giat mengendalikan kuliah, khutbah, dialog, perbincangan, halaqah dan sebagainya. Metod “Qudwah Hasanah dan Mahabbah” adalah metod yang diguna pakai oleh Rasulullah dalam pengajaran baginda. Dalam hal ini, pendidikan Islam di zaman Rasulullah ini bertujuan

untuk membentuk syaksiah islamiyyah dan akhlak yang mulia di kalangan masyarakat pada

zaman itu seperti berkasih sayang, bantu membantu, jujur, sabar, adil dan sebagainya dengan mengamalkan konsep amr maaruf dan nahi mungkar (Sejarah Pendidikan Islam Zaman Nabi Muhammad: KUIS, 6-8), (Hj Eneng Muslihah, Ilmu Pendidikan Islam, 2010: 175-179), (Mohd Yusuf Ahmad, Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islm, 2004: 51-56)

Pendidikan Islam yang diamalkan di zaman Rasulullah adalah pendidikan sepadu antara ajaran-ajaran Islam yang bersumberkan kepada al-Qur'an dan juga hadith, dengan aspek-aspek lain seperti politik, ekonomi, sosial, sejarah dan peradaban. Dari sini muncul lah tamadun dan peradaban Islam yang tinggi dan hebat.

Peranan Rasulullah sebagai pendidik pertama telah diadaptasi dan diikut oleh para sahabat, para tabi'in dan tabi' at-tabi'in dan seterusnya. Pendidikan Islam terus berkembang sehingga munculnya tokoh-tokoh pendidikan Islam seperti Ibnu Sahnun, Al-Qabysi dan Ibnu Khaldun. Tokoh-tokoh ini melihat kepada perlunya melihat kepentingan integrasi ilmu-ilmu dunia dan ilmu-ilmu akhirat. (Dr Gamal Abdul Nasir Zakaria: Tokoh-Tokoh Abadi Pendidikan Islam (2014:61-62). Kenyataan ini ditegaskan dengan firman Allah Subhanahu Wat'alā dalam Surah al-Qasas, ayat:77:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةِ وَلَا تَنْسَ نَصِيبِكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَخْسِنْ كَمَا أَخْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي
الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.”

Pendidikan Islam telah tersebar luas menerusi penyebaran agama Islam ke seluruh dunia termasuk alam Melayu di mana telah menyaksikan kemunculan pendidikan Islam ketika mana Islam datang ke alam Melayu kira-kira abad ke-14 atau lebih awal dari itu menerusi kedatangan pedagang Arab dan India yang beragama Islam di mana antara mereka adalah merupakan ulama.

SEJARAH PENDIDIKAN ISLAM DI ALAM MELAYU

Sebelum membincarakan tentang sejarah pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam dan sumbangan Sultan-Sultan Brunei dalam pendidikan Islam, terlebih dahulu diperkatakan tentang pertumbuhan dan perkembangan

pendidikan Islam di alam Melayu di mana dipercayai pertumbuhan dan perkembangan ini mempunyai banyak persamaan di antara satu negeri dengan negeri yang lain dari aspek usaha, pendekatan dan faktor penyumbang.

Pelbagai catatan sejarah menyatakan bahawa awal pendidikan Islam di Tanah Melayu adalah dalam corak pendidikan tidak formal dan berlaku pada abad ke 14 atau lebih awal. Kewujudan dan perkembangan pendidikan ini adalah seiring dengan kewujudan dan perkembangan agama Islam di alam Melayu menerusi kedatangan pedagang Arab dan India yang beragama Islam ke kawasan Asia Tenggara. Pedagang ini bukan sahaja datang untuk bermiaga bahkan dalam waktu yang sama mempunyai peranan menyebarluaskan dakwah Islam, di antara mereka ini juga terdiri daripada ulama. Berikut itu, Islam tersebar menerusi urusan jual beli, perkahwinan dan dakwah.

Trend pendidikan Islam di alam Melayu masih mengekalkan tradisi di zaman Rasulullah di mana masjid, surau, madrasah digunakan sebagai pendekatan dan saluran utama mengembangkan pendidikan Islam, di samping pendekatan atau saluran lain yang mempunyai persamaan dengan fungsi di atas seperti sistem pondok, pasentren, langgar dan sebagainya. Pendekatan atau saluran ini berbeza pada nama tetapi fungsi hampir sama dengan fungsi masjid. Perbezaan nama ini adalah terkesan dengan tradisi dan persekitaran masyarakat setempat.

Pelbagai faktor dikenal pasti yang menyumbang kepada sejarah kegemilangan pendidikan Islam di alam Melayu, antaranya menerusi sokongan dan dokongan sultan-sultan atau raja-raja Melayu. Perkara ini berlaku dalam sejarah pendidikan Islam di Malaysia (dikenali sebelum ini sebagai Tanah Melayu), Singapura, Indonesia, Filipina, Patani Thailand. Dikongsikan beberapa contoh negeri di alam Melayu seperti pendidikan Islam di Malaysia (Tanah Melayu) di mana sejarah pendidikan Islam sering dikaitkan dengan kemasukan Islam ke Melaka sekitar abad 14. Perkembangan sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu bermula dengan pengislaman Raja Melaka pertama iaitu Parameswara (yang kemudiannya dikenali sebagai Megat Iskandar Syah) telah memeluk Islam pada 1414M. Pengislaman Raja disertai oleh para pembesar kerajaan dan rakyat jelata. Kecintaan Raja yang mendalam terhadap ajaran Islam dan para ulama (Roslan & Wan Mohd Tarmizi, Sejarah Pendidikan Islam di Malaysia, 2011: 8) menjadikan Melaka muncul sebagai pusat penyebaran Islam yang berperanan utama dan nadi pengajaran dan penyebaran Islam ke semua negeri-negerinya di alam Melayu . (Haji Abdul Samad: Perkembangan Pendidikan Islam di Singapura, 1999:12), (Wan Ahmad, Sejarah Islam Indonesia, 1989: 05), (Hashim Hj Musa, Peranan Tulisan Jawi Dalam Perkembangan Islam di Malaysia, 2005: 86). Faktor kedudukan Melaka yang strategik merupakan faktor utama dalam menaikkan

ajaran dan pendidikan Islam di alam Melayu kerana dengan kedudukan strategik ini, Melaka mampu menarik ramai pedagang India, Cina , Arab yang bukan sahaja datang untuk bermiaga bahkan untuk berdakwah.

Singapura adalah antara negeri-negeri yang terkesan dengan kedatangan dan perkembangan Islam di Melaka kerana Singapura suatu masa dahulu pernah menjadi taklukan Melaka. (Haji Abdul Samad: Perkembangan Pendidikan Islam di Singapura, 1999:12), (Abdullah Alawi: Islam di Singapura: 1981: 163), (Muhsin Daud, Religious Institutions Amongst the Malay of Singapore, 1958: 5).

Menurut catatan sejarah, Pasai, salah satu provinsi Aceh Indonesia, pernah satu ketika dulu berdiri sebagai Kesultanan Islam Pasai pada zaman pemerintahan Sultan Malik As-Saleh sekitar tahun 1267. Kesultanan ini bersama dengan Kesultanan Islam Melaka di percaya telah muncul sebagai Pusat Kebudayaan Melayu Islam pada abad ke-15, (Hashim Hj Musa, 2005: 86).

Perkembangan pendidikan Islam di Filipina, juga terkesan dengan kedatangan Islam dari Johor dan Brunei. Islam di Kerajaan Sulu di bawa dari Johor oleh seorang sharif berbangsa Arab dikenali sebagai Shariful Hashim Syed Abu Bakar. Menerusi perkahwinan beliau dengan Paramisuli, putri Raja Bagindo dan seterusnya menganti Raja Bagindo Sulu, pendidikan Islam berkembang selari dengan perkembangan ajaran Islam di Sulu. Pendidikan Islam di Filipina juga terkesan dengan pendidikan Islam di Brunei di mana menurut Carmen A. Abubakar, Islam di Kota Seludong (Luzon) disebarluaskan melalui Kerajaan Brunei. Penyebaran Islam ini dicatat dalam sejarah Brunei ketika Brunei diperintah oleh Sultan Bolkiah (TM 1485 – 1524) (P.L. Amin Sweeney, Silsilah Raja-Raja Brunei. 1968: 54)

Thailand juga tidak telaps menerima kemasukan Islam memandangkan Islam telah tersebar di seluruh Asia Tenggara dengan meluas. Patani salah satu provinsi Thailand adalah yang awal menerima Islam menerusi pedagang muslim dari Arab dan Persia. Islam berkembang di seluruh Patani dengan pengislaman Raja Phya Tu Nakpa yang dikenali selepas itu dengan nama Sultan Ismail Syah. Pengislaman Sultan diikuti dengan pengislaman keluarganya dan raykat jelata. Patani di kenali sebagai Patani Darussalam. (Tohiroh Saah, Pendidikan Islam di Patani Selatan Thailand Dalam Prespektif Histori, 2017:31-32). Dengan ini, ajaran Islam dan pendidikan Islam mudah tersebar dan diterima dengan penerimaan Raja dan rakyat ketika itu.

Antara pendekataan yang digunakan ialah dengan menjadikan beberapa tempat berikut sebagai pusat dakwah dan aktiviti keilmuan:

- **Istana** (Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011: 8), (Haji Abdul Samad, 1999:12), (Hashim Hj Musa, 2015:86). Istana pada zaman

Kerajaan Islam Melaka bukan sahaja menjadi pusat dakwah dan pusat pengajian bahkan dijadikan pusat penyalinan, penterjemahan dan perpustakaan bagi meyimpan khazanah persuratan Melayu Islam (Hashim Hj Musa, 2015:86-87), (Masnon Ibrahim, Pendekatan Pendidikan Islam Di Negara Brunei Darussalam, 2012:14).

- **Rumah Persendirian** samada rumah di kalangan pembesar atau ulama atau rakyat (Roslan & Wan Mohd, 2011: 9) (Haji Abdul Samad, 1999:12), (Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas, 1992: 1-6). (Masnon Ibrahim, 2012: 14), (Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Islam di Sarawak: Sejarah Awal dan Faktor- Faktor Perkembangan Islam di Sarawak, 2016)
- **Masjid** (Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011: 9) (Haji Abdul Samad: Perkembangan Pendidikan Islam di Singapura, 1999:12), (Tohiroh Saah, Pendidikan Islam di Patani Selatan Thailand Dalam Prespektif Histori, 2017: 18).
- **Surau** (Roslan & Wan Mohd Tarmizi: Sejarah Pendidikan Islam di Malaysia,2011: 9) (Haji Abdul Samad: Perkembangan Pendidikan Islam di Singapura, 1999:12),
- **Pondok** (Tohiroh Saah, Pendidikan Islam di Patani Selatan Thailand Dalam Prespektif Histori, 2017: 19).

Anatara aktiviti yang dijalankan ialah:

- **Kelas mengaji** (Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011: 9), (Ahmad Nasir Mohd Yusoff, 2016)
- **Belajar Jawi** (Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011:9), (Ahmad Nasir Mohd Yusoff ,2016)
- **Pengajian ilmu Fiqah, Tauhid, Tafsir, Sejarah, Tasawuf dan Falsafah** (Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011: 10).
- **Bahasa Arab** (Ahmad Nasir Mohd Yusoff ,2016).

PENDIDIKAN ISLAM DI BRUNEI DARUSSALAM DAN SUMBANGAN SULTAN-SULTAN BRUNEI DARUSSALAM

Pendidikan Islam di Brunei Darussalam tidak juah berbeza dengan perkembangan pendidikan Islam di negeri-negeri di alam Melayu. Tetapi apabila melihat sumbangan sultan, sejarah Brunei berbeza berbanding negeri-negeri di alam Melayu yang lain, di mana Brunei Darussalam dianggap sangat unik kerana beberapa faktor, antaranya Brunei mampu mengekalkan kedaulatan Kesultanan Melayu Brunei sejak kedatangan Islam pada abad 14M sehingga sekarang.

Pendidikan Islam di Brunei juga muncul dengan kedatangan Islam (Masnon Ibrahim, Pendekatan Pendidikan Islam Di Negara Brunei Darussalam, 2012: 1) ke bumi ini. Pendidikan ini dipercayai telah bermula pada zaman pemerintahan Sultan Brunei Pertama Sultan Muhammad Shah (1363M - 1402M) dan berterusan pada pemerintahan Sultan Ahmad (1408M-1425M), Sultan Brunei Kedua. Pendidikan Islam di bumi ini dipercayai dibawa oleh pelbagai sumber, antaranya:

- Para ulama dan cendikiawan Islam dari tanah Arab telah datang ke Brunei antara tahun 1370M hingga tahun 1515M antaranya Syarif Mu'Faqih, Sheikh Adam dan Syarif Hud (Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam, 1992: 1-6). (Masnon Ibrahim, 2012: 14). Tempoh yang dicatatkan adalah semasa tempoh pemerintahan Sultan Muhammad Syah dan Sultan Ahmad. Mereka menjadikan rumah mereka sebagai tempat tumpuan pengajian Islam.
- Anak tempatan hasil didikan ulama dan mubaligh.
- Anak tempatan yang merantau ke negara –negara jiran seperti Sabah dan Sarawak dan juga ke tanah Arab, apabila kembali ke Brunei mereka tenaga pengajar (Masnon Ibrahim, 2012: 14)

Sarawak sewaktu di bawah Kerajaan Brunei dan pada zaman Sultan Muhammad Shah, pendidikan Islam sudah pun diterapkan dan didedahkan sejak kecil lagi seperti kaedah menghafaz, mengaji ayat-ayat al-Quran dalam Bahasa Arab. Golongan anak-kanak perempuan menerima pendidikan Islam daripaa ibu bapa atau ahli keluarga terdekat, manakala kanak-kanak lelaki akan dihantar ke rumah para alim ulama. (Ahmad Nasir Mohd Yusoff,2016)

Pendidikan ugama semakin meningkat dalam pemerintahan Sultan Sharif Ali (**1425-1432**). Apabila baginda menjadi sultan setelah mengahwini Puteri Ratna Kesemua, puteri Sultan Ahmad, baginda telah menggunakan kedudukannya untuk terus meningkatkan penyebaran dan pendidikan Islam. Malahan baginda telah menjadikan Istana baginda sebagai pusat pendidikan Islam. (Masnon Ibrahim, 2012:14). Perkara ini juga mencatat sejarah di mana Istana telah menjadi Pusat Perkembangan Tamadun Islam. (Wan Hashim Wan Teh, Istana Sebagai Pusat Perkembangan Tamadun Islam, 1994: 103).

Menurut Dato Dr Wan Hashim, pertalian rapat antara Sultan Sharif Ali - yang merupakan pancir keturunan Nabi Muhammad Sallahu ‘Alaihi Wassalam- dan golongan alim ulama membawa kepada pengangkatan kedudukan mereka di istana kerana baginda sendiri juga seorang ulama. (Wan Hashim Wan Teh, Istana Sebagai Pusat Perkembangan Tamadun Islam, 1994: 103). Ini merupakan faktor yang sangat signifikan yang membantu memperkuatkan lagi pendidikan ugama di Brunei (Masnon Ibrahim,

2012:14), (Wan Hashim Wan Teh, 1994: 103). Fenomena ini juga jelas dilakukan oleh para sultan/ raja di negeri-negeri alam Melayu.

Ulama-ulama ini bukan sahaja berdakwah dan menyebarkan Islam di kalangan orang Brunei bahkan telah diberi kepercayaan untuk mentadbir dan berdakwah di luar Brunei seperti kepulauan Filipina, Melaka, Jawa dan Kalimantan. Ulama tersebut antaranya Syarif Mu'Faqih (dikenali juga sebagai Syarif Alwi Ba Faqih), Sheikh Adam, Syarif Hud, Malik Ibrahim (diaturkan ke Jawa), Syarif Zainal Abidin (dihantar untuk berdakwah di Melaka), Syarif Abu Bakar atau Syariful Hashim (menjalankan dakwah di Sulu), Syarif Kebungsuan (menyebarkan dakwah di Mindanao), Syarif Jaafar (mentadbir di Lingga), Syarif Sabudin atau Syarif Sahib (mentadbir di Sadong), Syarif Mollana (mentadbir di Kelaka). (Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam, 1992: 1-6). (Masnon Ibrahim, 2012: 15). Dengan penghantaran utusan-utusan ini keluar Brunei, secara tidak langsung menjadikan Brunei salah satu pusat penyebaran dakwah dan pendidikan Islam yang signifikan (Awang Haji Mohd Arripin, Peranan Sultan Brunei Dalam Penyebaran Agama Islam, 2009:126)

Masjid dilihat berfungsi utama sebagai pendekatan menyalurkan dakwah dan ilmu Islam. Justeru, Sultan Sharif Ali telah membina sebuah masjid yang terletak di kawasan Kota Batu, dan dalam waktu yang sama bertanggungjawab menentukan arah kiblat, mencipta panji-panji Brunei dan membina kota Batu. (P.L. Amin Sweeney, 1968:11). Pada zaman ini, Brunei termasyhur dengan nama “Brunei Darussalam”(Awang Haji Mohd Arripin, 2009:126). Masjid tersebut telah diranapkan oleh orang Sepanyol semasa serangan pada tahun 1578M (Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam, 1992: xi). (Masnon Ibrahim, 2012: 17)

Usaha dan sumbangan Sultan Sharif Ali dalam bidang penyebaran dan pendidikan Islam telah diteruskan oleh anakanda baginda Sultan Sulaiman yang memerintah mulai **1432-1485**. Baginda juga mengikuti jejak ayahanda baginda di mana syariat Islam ditegakkan dan diperkuuhkan (Brunei Annual Report 1963, 218).

Hasil didikan Sultan Bolkiah (1485- 1524) secara informal yang diperolehi daripada ayahanda baginda Sultan Sulaiman dalam bidang ugama dan bidang pentadbiran telah menjadikan baginda seorang yang mempunyai kebijaksanaan dalam pentadbiran dan penyebaran ajaran Islam. Pendidikan ini tidak hanya tertumpu di kalangan masyarakat Brunei sahaja, malah tersebar ke masyarakat lain meliputi keseluruhan Pulau Borneo seperti Sambas, Tanjungpura, Kota Waringin, Banjarmasin, Pasir, Kutai, Bolongan dan lain-lain bahkan Pulau-Pulau Suluk, Palawan, Keramian hingga Saludang (Luzon) (P.L. Amin Sweeney, 1968: 54), (Sabihah Osman, Muhammad Hadi, Sabullah, Sejarah Brunei Menjelan Kemerdekaan, 1995:5). Penaklukan yang dilakukan

oleh Sultan Bolkiah bukan hanya bermotifkan politik, kekuasaan dan perdagangan, malah ianya juga berdasarkan kepada penyebaran agama dan pendidikan Islam. Semasa pemerintahan baginda Brunei telah menjadi pelabuhan perdagangan yang dikunjungi oleh ramai pedagang dan pendakwah Islam setelah kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Ini telah menjadikan kedudukan Islam di Brunei semakin kuat yang membolehkannya menjadi sebagai pusat penyebaran Islam di rantau Asia Tenggara.

Kegemilangan Brunei sebagai pusat penyebaran Islam ini telah diteruskan pada pemerintahan Sultan Abdul Kahar (1524-1530). Terdapat catatan menyatakan baginda mempunyai hubungan yang rapat dengan para ulama selepas kejatuhan Melaka. Malahan ramai ulama telah datang ke Brunei (Sejarah Sultan-Sultan Brunei: 2015: 10). Perkara ini menyokong bahawa baginda memanfaatkan hubungan tersebut bagi mengembangluas pendidikan ugama. Usaha ayahanda baginda menyebarkan ugama Islam di kawasan Borneo dan Filipina juga diteruskan walaupun menerima tantangan hebat daripada Sepanyol di Filipina.(Sejarah Sultan-Sultan Brunei: 2015:10), (Awang Haji Mohd Arripin, 2009:128-129)

Perkembangan syiar Islam dan pendidikan Islam di zaman pemerintahan Sultan Saiful Rijal (1533-1581) semakin meluas sehingga di zaman ini terkenal dengan sebagai pusat perkembangan Islam. Baginda juga telah melanjutkan penyebaran Islam hingga ke seluruh Pulau Borneo dan Kepulauan Filipina sehingga Brunei terkenal sebagai pusat perkembangan Islam (Awang Haji Mohd Arripin, 2009:129).

Tugas besar yang dipikul oleh Sultan Saiful Rijal setelah menaiki takhta ialah memelihara dan mempertahankan akidah Islam di Brunei. Jika baginda lemah dalam menangani cabaran ini, ada kemungkinan Brunei bertukar corak kepercayaan menjadi sebuah negara Kristian. Tetapi baginda dengan sokongan para pembesar, rakyat serta barisan para ulama dan pendakwah Islam berjaya menangani halangan dan cadaran tersebut. Ini membuktikan akidah Islam orang-orang Brunei tetap kuat dan menebal sepetimana teguhnya pegangan Islam Sultan Saiful Rijal.

Mengenai dengan hukum kanun Brunei, dikatakan bahawa Hukum Kanun Brunei telah wujud pada zaman Sultan Saiful Rijal (H.R. Hughest-Hallett, “A Sketch of the History of Brunei”, The Brunei Journal Museum (BMJ), Vol. 5, No.1.). Dalam catatan sejarah menyatakan Hukum Kanun Brunei tersebut telah mula diperaktikkan sepenuhnya pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hasan (**1582- 1598**). Baginda telah menyambung usaha ayahanda baginda dalam memperkembangkan ajaran Islam dengan mempergiatkan dan memperluaskan lagi dakwah Islam di kepulauan Filipina (Sejarah Sultan-Sultan Brunei: 2015:12) dan juga sekaligus pendidikan ugama. Baginda cukup sinonim dengan hukum kanun Brunei

kerana pada zaman pemerintahan baginda hukum kanun dipraktikkan sepenuhnya. Perkara ini telah memperlihatkan keunggulan kesultanan Brunei dalam bidang agama. Pendidikan ugama adalah asas penting dalam membentuk jati diri pihak pemerintah agar meletakkan undang-undang Islam di tempat yang istimewa di dalam urusan pentadbiran masyarakat dan negara. Hukum Kanun Brunei telah dilaksanakan sepenuhnya, bukan sahaja di Brunei tetapi di seluruh wilayah takluknya. Para pembesar seperti Pengiran Bendahara, Pengiran Temenggong, Pengiran Di-Gadong, dan Pengiran Shahbandar turut berpegang kepada Hukum Kanun Brunei

Jasa dan sumbangan besar yang baginda lakukan di sepanjang pemerintahan baginda selama kira-kira enam belas tahun telah meninggalkan kesan dan pengaruh yang begitu mendalam dan bermakna kepada perkembangan dan pembangunan negara, samada dari segi politik, ekonomi maupun sosiobudaya. Kesan daripada perlaksanaan *Hukum Kanun Brunei* yang berteraskan syariat Islam dan adat tradisi masyarakat setempat amatlah jelas dan terus diamalkan hingga ke hari ini. Tujuannya tidak lain ialah untuk menjaga dan memelihara kesucian agama, kebajikan rakyat, dan kesejahteraan negara. Pada masa yang sama, dengan terlaksananya undang-undang dan peraturan tersebut telah memperkuatkan lagi institusi kesultanan berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) yang sudah diamalkan sejak sekian lama di negara ini. Dengan terlaksananya *Hukum Kanun Brunei*, syariat Islam yang bertunjangkan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah mengikut aqidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan mazhab Syafi'i menjadi lebih mantap dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negara.

Istana, masjid, surau dan rumah persendirian berterusan dijadikan tempat pendidikan Islam pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalilul Akbar (1596-1659), Sultan Abdul Jalilul Jabbar (1659-1660), Sultan Haji Muhammad Ali (1660-1661), Sultan Muhammad Hakkul Mubin (1661-1673) dan kemudian membina sebuah masjid di Pulau Chermin (Catatan Sejarah Masjid –Masjid Negara Brunei Darussalam, 1993:10), Sultan Muhyiddin (1673-1690), Sultan Nasruddin (1690-1710), Sultan Husin Kamaluddin (1710- 1730) dan (1737-1740), Sultan Muhammad Alauddin (1730-1737), Sultan Omar Ali Saifuddin I (1740-1778), Sultan Muhammad Tajuddin (1778-1804) dan (1804-1807), Sultan Muhammad Jamalul Alam (1804), Sultan Muhammad Kanzul Alam (1807- 1826), Sultan Muhammad Alam (1826-1828), Sultan Omar Ali Saifuddin II(1828-1852). Sultan Abdul Momin (1852-1885) , Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (1885-1906).(Catatan Sejarah Masjid –Masjid Negara Brunei Darussalam, 1993:10) (Masnon Ibrahim, 2012: 17).

Pendidikan Formal:

Zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jamalul Alam II (**1906-1924**) adalah era bermulanya pendidikan di Negara Brunei Darussalam menjadi sebagai pendidikan formal dengan menubuhkan sekolah Melayu pertama pada tahun 1914 yang telah dibina di bangunan Masjid, Pekan Brunei (Sejarah Sultan-Sultan Brunei: 2015: 23) dengan keramaian murid kira-kira 30 orang. Sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Melayu Pekan Brunei. Keramaian ini meningkat kepada 40 orang pelajar pada tahun 1915M. Pelajar –pelajar ini adalah anak-anak dari kalangan Pengiran. Pada tahun 1916M, Sekolah Melayu Pekan Brunei terus berkembang maju di mana keramaian pelajar yang mendaftar meningkat kepada 60 orang (Haji Abdul Hamid bin Mohd Daud, Perkembangan Persekolahan Agama Di Negara Brunei Darussalam Dari Tahun 1956-1984 Masihi, 2004).

Di samping fungsi sekolah sebagai penyalur ilmu pengetahuan, masjid masih berterusan berperanan sebagai tempat menyebarkan ilmu seperti Masjid Marbut yang telah dibina di kampung Sultan Lama (Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam, xiv), (Masnon Ibrahim, 2012: 18). Masjid kemudiannya dikenali dengan nama rasminya “Masjid Pekan Brunei”. Masjid ini berterusan digunakan pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin (1924-1950). Walaubagaimanapun masjid ini telah musnah terkena periuk api ketika pendudukan Jepun. Dengan kemasuhan tersebut, sebuah masjid sementara telah didirikan yang dikenali sebagai “Masjid Kajang”. Masjid telah digunakan sehingga tahun 1958 apabila Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien telah siap dibina pada tahun tersebut (Masnon Ibrahim, 2012: 18).

Pada zaman ini juga pendidikan formal mula diperkenankan dan dikembangkan di Brunei. Dalam waktu yang sama, anak-anak tempatan dihantar untuk belajar ke luar negara (Sejarah Sultan-Sultan Brunei, 2015: 25). Persekolahan Arab juga telah wujud pada pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin tahun 1941 , walaubagaimanapun persekolahan ini terhenti setahun kemudian apabila tentera Jepun datang semasa Perang Dunia Kedua. (Masnon Ibrahim, 2012: 28).

Pada zaman ini pengajaran pengetahuan agama Islam telah diajarkan sebagai satu mata pelajaran di Sekolah Melayu di Jalan Pemancha. Ianya diajarkan pada setiap hari Jumaat sekepas sembahyang fardhu Jumaat atas inisaitif dua (2) orang wazir dan seorang Ceteria, mereka itu ialah: 1) Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman ibni al-Marhum Pengiran Muda Besar Omar Ali Saifuddin, 2) Yang Teramat Mulia Seri Padukan Pengiran Pemancha Anak Haji Mohd. Yassin ibni al-Marhum Pengiran Omar Ali, 3) Yang Amat Mulia Pengiran Sahabandar Pengiran Anak Hashim ibni al-Marhum Pengiran Shahbandar Bahar (Masnon Ibrahim, 2012:21)

Persekolahan ugama telah dikendalikan secara berasingan pada zaman pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien (**1950-1967**) tahun 16 September 1956 dengan memilih tujuh (7) buah sekolah di kawasan pekan di seluruh Brunei. Kesemua sembilan (9) orang guru lelaki, sistem, kurikulum dan buku teks adalah dari Negeri Johor Malaysia. (Awang Haji Abdul Hamid bin Mohd Daud, 2004:5), (Peranan Ugama Islam Dalam Pendidikan Brunei, 1983:28). Persekolahan ugama ini menggunakan bangunan Sekolah-Sekolah Melayu atau Inggeris Kerajaan di sebelah petang. (Masnon Ibrahim, 2012:23-24).

Sebelum itu, pada tahun 1954, baginda telah menitahkan untuk mendatangkan dua (2) orang pakar dalam pengajian Islam sebagai membuat penyelidikan mengenai pelajaran agama Isalm di sekolah-sekolah di Brunei. (Sejarah Sultan-Sultan Brunei : 2015: 30). Hubungan Brunei dengan Negeri Johor sangat rapat. Persahabatan tersebut telah bukan sahaja membantu kerajaan Brunei dalam menujuhkan persekolahan agama menerusi laporan mengenai pelajaran agama Islam di Sekolah-Sekolah, peminjaman guru-guru, pemakaian kurikulum dan buku teks, bahkan Kerjaan Johor telah meminjamkan khidmat Yang Mulia Pehin yang selepas itu dilantik menjadi mufti pertama di Negara Brunei Darussalam. Lantikan ini adalah hasil perundingan Al-Marhum Begawan Sultan dengan al-Marhum Sultan Ibrahim , Sultan Johor. Perlantikan seorang mufti pada ketika itu adalah sangat mustahak kerana bukan sahaja bagi melaksanakan kehendak Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah Kadi No 20/1955 tetapi bagi keperluan Negara Brunei Darussalam kepada khidmat ulama bagi menangani masalah umat, meyemarakkan syiar Islam serta memajukan sistem pendidikan di Brunei. (Tokoh Ugama Tahun Hijrah 1413, 1999M: 22-23) (Norarfian & Mahayuddin, Ketokohan dan Sumbangan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Azizi Dalam Bidang Ilmu dan Pendidikan, 2017: 133)

Pada tahun 1958, baginda telah merasmikan Masjid Omar Ali Saifuddin di Bandar Brunei, yang menjadikan lambang kemegahan dan mercu tanda kegemilangan dan kekuatan agama Islam di Brunei. (Sejarah Sultan-Sultan Brunei, 2015: 30). Masjid berdiri kukuh sehingga ke hari ini.

Inisiatif baginda diteruskan dengan anakanda baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah (1967- ...). Baginda berusaha memperkasa dan memartabatkan lagi pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam. Pada zaman pemerintahan baginda, pelbagai inisiatif dalam pendidikan Islam telah dilakukan, antaranya:

- **Dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam:** Dasar pendidikan Negara bermula pada tahun 1962. Setelah menemui kegagalan dalam

pelaksanaan dasar tersebut, sebuah dasar telah dibentuk iaitu Dasar Pendidikan Negara 1972. Perkara yang menarik untuk ditonjolkan dalam DPN1972 ini ialah kepentingan pendidikan Islam dalam sistem persekolahan di Brunei (Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, Raja Melakar Sejarah, 2017:20).

- **Pembinaan Sekolah-Sekolah Ugama Secara Khas:** Pembinaan telah bermula pada tahun 1976. Antara sekolah yang paling awal dibina di bawah kategori bangunan sekolah agama kekal ialah: Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiyah, Pekan Bangar, yang telah dirasmikan pada 16 Mei 1976 (Awang Haji Abdul Hamid, 2004: 42).
- **Penambahan Pembinaan Sekolah-Sekolah Ugama:** Jumlah bilangan sekolah-sekolah Ugama semakin bertambah. Menurut catatan yang diperolehi dari Kementerian Hal Ehwal Ugama jumlah sekolah sehingga tahun 2018 ialah sebanyak 144 buah iaitu Daerah Brunei Muara sebanyak 83 buah, Daerah Tutong sebanyak 30 buah , Daerah Belait sebanyak 20 buah dan Daerah Temburong sebanyak 11 buah (www.kheu.gov.bn). Dengan prasarana bangunan –bangunan sekolah, masa pembelajaran sekolah ugama telah diperluaskan kepada dua (2) sesi: pagi dan petang.
- **Matapelajaran Ugama Islam Di Kesemua Sekolah:** Matapelajaran Ugama Islam diajarkan ke sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris sehingga ke hari ini. Di samping itu juga memasukkan “Pengetahuan Ugama Islam” dimasukkan dalam senarai matapelajaran yang diambil bagi Peperiksaan Am Peringkat Biasa (GCE O Level) dan Peperiksaan Am Pelajaran Peringkat Lanjutan (GCE A Level).
- **Undang-Undang Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012:** Brunei Darussalam telah melakar sejarah ketika mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) mengisyitiharkan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 menerusi titah baginda sempena Majlis Sambutan Hari Guru ke-22 bagi tahun 1433H/2012M. (Titah KDYMM, 26 September 2012). Titah tersebut mengandungi tiga (3) strategi utama: S(1) memastikan tiada kanak-kanak Islam tercicir dari memahami ilmu asas pendidikan Islam, S(2) memastikan tidak ada terdapat lagi orang yang tidak pandai sembahyang, S(3) memastikan tidak ada terdapat lagi orang yang tidak pandai membaca al- Qur'an. Perintah ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2013 (Yahya Apong, Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012, 2013) .

Pengubalan undang-undang ini perlu kerana kealfaan Brunei Darussalam tidak mempunyai sistem persekolahan “Wajib Ugama” sejak kira-kira 50 tahun. Dengan undang-undang ini , semua kanak-kanak akan memahami ilmu asas pendidikan Islam, pandai sembahyang dan pandai membaca al- Qur'an. (Yahya Apong, Penjejakan Setelah Lebih 50 tahun Pendidikan Ugama (Tidak Diwajibkan: Satu Kajian Awal), 2018).

- **Penubuhan Sekolah Arab:** Penubuhan sekolah Arab telah bermula pada I Mac 1966. Semenjak itu, sebanyak tujuh (7) buah sekolah Arab telah dibina, dan setiap daerah paling tidak mempunyai sebuah sekolah Arab. Sekolah-sekolah tersebut adalah: Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (1966), Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (1967), Ma'had Tutong (1990), Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (30 Januari 2017), Sekolah Arab Rimba (2019). Sekolah Persedian Arab Bandar Seri Begawan, Sekolah Arab Beliat, Sekolah Persedian Arab Temburong, (Haji Abdul Hamid, 2004: 99), (www.kheu.gov.bn).
- **Penubuhan Institut Tahfiz Brunei:** Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah ditubuhkan pada I Januari 1993. Penubuhan ini sepertimana yang dihasratkan oleh KDYMM dalam titah baginda antara lain adalah Insitut ini merupakan sumbangan peribadi baginda bagi tujuan melahirkan tenaga pengajar yang hafaz al-Qur'an. (Titah KDYMM Sempena Ulangtahun hari Keputeraan KDYMM yang ke-46, 115 Julai 1992), (www.kheu.gov.bn).
- **Penubuhan Institusi Pengajian Tinggi dalam bidang Pengajian Islam:** Penubuhan ini merupakan strategi pengukuhan pendidikan agama Islam kerana pengajian Islam tidak terhenti di peringkat rendah, menengah dan pra universiti saja, bahkan perlu diteruskan hingga ke peringkat universiti. Perkara ini jelas dalam titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai kepentingan pendidikan Islam di negara ini.
 - **Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA):** UNISSA merupakan universiti Islam pertama di Negara ini yang ditubuhkan pada Januari 2007. Penubuhan ini adalah bukti bagi keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap pengajian Islam di Negara ini. Universiti ini diharapkan akan menjadi satu mercu tanda kegemilangan Islam di Negara ini

yang mana dapat melahirkan ulama dan cendikiawan yang berwibawa dalam bidang pengajian Islam. Antara strategi penubuhan UNISSA adalah untuk melahirkan ulama yang pakar dalam bidang pengajian Islam. Pelbagai inisiatif telah dilakukan bagi merealisasikan strategi berkenaan, antaranya: Penawaran program Syariah, Usuluddin, Undang-Undang, Bahasa Arab, Tamadun Islam, Kewangan Islam, Ekonomi Islam Halalan Tayibban, Pengurusan Pembangunan Islam dari peringkat Sarjana Muda hingga peringkat Doktor Falsafah. Al-Qur'an dan bahasa Arab menjadi kursus wajib universiti yang ditawarkan semua peringkat pengajian samada program yang berpengantar bahasa Arab atau bahasa Inggeris, (Norarfah & Rose, UNISSA: Satu Dekad Perkembangan dan Pencapaian, 2018), (Siti Sara, Dasar dan Strategi Pembangunan Negara Zikir, 2015: 166)

- **Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KU PUSB)**: KUPU SB ditubuhkan pada 20 Januari 2007. Penubuhan ini adalah bagi memartabatkan pengajian perguruan ugama.
- **Melayu Islam Beraja (MIB) Matapelajaran Wajib**: MIB merupakan falsafah Negara Brunei Darussalam. Falsafah ini bukan sahaja sebagai acuan bagi identiti dan jati diri orang Brunei, bahkan falsafah ini turut diajarkan sebagai kursus wajib di peringkat rendah, menengah, pra universiti dan peringkat universiti.
- **Penambahan Pembinaan Masjid/Surau/Balai Ibadat**: Pembinaan masjid/surau/balai ibadah sangat rancak dibina di Brunei. Setakat ini sebanyak 114 buah telah dibina iaitu Daerah Brunei Muara sebanyak 66 buah, Daerah Tutong sebanyak 26 buah, Daerah Belait sebanyak 13 buah dan Daerah Temburong sebanyak 9 buah.

PENUTUP

Makalah ini berjaya menyimpulkan:

1. Sejarah pendidikan Islam di alam Melayu adalah seiring dengan sejarah kedatangan Islam.
2. Sultan-Sultan/ Raja-Raja di Kesultanan Islam Melayu mempunyai peranan sangat penting di dalam pengembangan ajaran Islam dan pendidikan Islam di alam Melayu.
3. Pendekatan dan inisiatif dilakukan oleh sultan atau raja dalam menyebarkan pendidikan Islam mempunyai banyak persamaan. Ini adalah kerana Brunei, Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina

adalah serumpun dan Islam dan pendidikan Islam telah berjaya menyatukan mereka.

4. Strategi dan pendekataan yang dikenalpasti dalam pengembangan syiar Islam dan pendidikan Islam ialah dengan menjadikan beberapa tempat berikut sebagai pusat dakwah dan aktiviti keilmuan: istana, rumah persendirian, masjid, surau, langgar, pondok, madrasah dan pasentren.
5. Pendekatan yang digunakan terdapat perbezaan pada nama sahaja tetapi fungsi hampir sama dengan fungsi masjid. Perbezaan nama ini adalah terkesan dengan tradisi dan persekitaran masyarakat setempat.
6. Pendekatan dan strategi yang digunakan oleh Sultan-Sultan/Raja-Raja negeri-negeri di alam Melayu adalah mengikut pendekatan dan strategi yang diadaptasi pada zaman Rasulullah Sallahu ‘Alahi Wassalam, zaman sahabat dan generasi seterusnya.

RUJUKAN

1. Al-Qur'an
2. Titah:
3. White, C. (2006). Titah KDYMM Sempena Ulangtahun hari Keputeraan KDYMM yang ke-46, 115 Julai 1992).
- Titah KDYMM Sempena Majlis Sambutan Hari Guru ke-22 bagi tahun 1433H/2012M.
4. Buku:
 - Ab. Aziz Yusof. (2013). Pengurusan Pendidikan Islam: Mekanisme Transformasi Ummah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 - Awang Haji Mohd Arripin bin H,B Hidup (2009). Peranan Sultan Brunei Dalam Penyebaran Agama Islam. Jurnal Darussalam , bil.9, Pusat Sejarah Brunei.
 - Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Mohd Daud. (2004). Perkembangan Persekolahan Agama Di Negara Brunei Darussalam Dari Tahun 1956-1984 Masihi. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 - Dr Gamal Abdul Nasir Zakaria. (2003) Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam. Pahang: PTS Publication and Distributors SDN. BHD.
 - Haji Mohd Salleh bin Lebar (2011). Psikologi Pendidikan Dari Perspektif Barat dan Islam. Bandar Seri Begawan: KUPU SB.
 - Haji Abdul Samad bin Haji Junid. (1999). Perkembangan Pendidikan Islam Di Singapura: Satu Kajian Kes Madrasah Al-Junied Al-Islamiyyah 1970-1990. Singapura: AFIA Media International

- H.R. Hughest-Hallett, "A Sketch of the History of Brunei", *The Brunei Journal Museum (BMJ)*, Vol. 5, No.1.).
- Hj Eneng Muslihah,. (2010). Ilmu Pendidikan Islam. Jakarta: Diadit Media.
- Masnon Ibrahim. (2012). Pendekatan Pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam. KUPU SB: Pusat Penerbitan KUPUSB.
- Mohd Yusuf Ahmad (2014). Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Norarfan and etal. (2017M). Ketokohan dan Sumbangan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr)Awang Haji Ismail Dalam Bidang Ilmu dan Pendidikan
- Norarfan Zainal & Rose Abdullah. (2018). UNISSA: Satu Dekad Perkembangan dan Pencapaian. Bandar Seri Begawan: UNISSA Press.
- P.L. Amin Sweeney (1968). Silsilah Raja-Raja Brunei., dalam Journal of the Malaysian Branch of Royal Asiatic Society.
- Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2017). Raja Melakar Sejarah, Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan.
- Sabihah Osman, Muhammad Hadi, Sabullah Haji Hakip. (1995). Sejarah Brunei Menjelan Kemerdekaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Sara Haji Ahmad etal. (2015). Dasar dan Strategi Pembangunan Negara Zikir. UNISSA: UNISSA Press.
- Wan Hashim Wan Teh, Istana Sebagai Pusat Perkembangan Tamadun Islam, dalam prosiding Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Brunei di Nusantara, 1994: 103).
- Yahya Apong. (2013). Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012. Siri Monograf Pendidikan Islam bil.5. KUPU SB: Pusat Penerbitan KUPU SB.
- Yahya Apong. (2018). Penjekakan Setelah Lebih 50 Tahun Pendidikan Ugama (Tidak Wajib: Satu Kajian Tinjauan Awal). Siri Monograf Pendidikan Islam bil.12. KUPU SB: Pusat Penerbitan KUPU SB.
5. Jurnal & Report:
- Hashim Hj Musa. (2005). Peranan Tulisan Jawi Dalam Perkembangan Islam di Malaysia, Jurnal Pengajian Melayu, jilid 16.
www.myjurnal.my/filebank/published_article/24027/Article_5.PDF
- Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia, Jurnal Tadib, Vol6, No.1, Juni 2011. <http://eprints.um.edu.my/2534/1/ROSLANjurnalTadib.pdf>
- Brunei Annual Report 1963, 218.